



INTERNATIONAL JOURNAL OF
POLITICS, PUBLICS POLICY
AND SOCIAL WORKS
(IJPPSW)
www.ijppsw.com



CIRI KAREKTER GENDER DALAM KEPIMPINAN POLITIK

CHARACTERISTICS OF GENDER IN POLITICAL LEADERSHIP

Junaidi Awang Besar^{1*}, Siti Marziah Zakaria², Azahah Abu Hassan Shaari³, Norhayati Alias⁴,
Surendran A/L Rajaratnam⁵

- ¹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
Email: jab@ukm.edu.my
 - ² Program Kerja Sosial, Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
Email: marziah@ukm.edu.my
 - ³ Program Kerja Sosial, Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
Email: azahah@ukm.edu.my
 - ⁴ Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
Email: nasriati@ukm.edu.my
 - ⁵ Program Kerja Sosial, Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
Email: surendran@ukm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 05.08.2024
Revised date: 28.08.2024
Accepted date: 19.09.2024
Published date: 30.09.2024

To cite this document:

Awang Besar, J., Zakaria, S. M., Shaari, A. A. H., Alias, N., & Rajaratnam, S. (2024). Ciri Karekter Gender Dalam Kepimpinan Politik. *International Journal of Politics*,

Abstrak:

Kepimpinan politik yang baik dan berkesan penting bagi mewujudkan organisasi atau institusi politik yang kuat dan berkredibiliti. Ini kerana pengurusan yang baik bergantung kepada kepimpinan politik yang mantap, diyakini dan dipercayai. Isu gender dalam kepimpinan menjadi perbincangan hangat dalam kalangan ahli politik dan masyarakat. Namun lelaki baik perempuan sebagai pemimpin mempunyai kekuatan masing-masing dan di peringkat dunia terbukti bahawa kepimpinan negara diterajui kedua-dua jantina. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis ciri karekter gender dalam kepimpinan politik. Data kajian ini dihasilkan melalui 399 orang responden daripada soal selidik, 5 orang informan temu bual dan pemerhatian di lapangan di negeri terpilih di Malaysia mengikut wilayah iaitu di Selangor bagi wilayah Barat, Kedah untuk wilayah Utara dan Kelantan untuk wilayah Timur. Hasil kajian mendapati bahawa bagi kepimpinan lelaki, majoriti responden menyatakan ciri berani paling dominan kepada jantina tersebut manakala bagi kepimpinan wanita, majoriti responden menyatakan ciri suka membantu dominan bagi mereka. Bagi kriteria yang perlu ada pada

Publics Policy and Social Works, 6
(14), 01-19.

DOI: 10.35631/IJPPSW.614001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



seorang pemimpin, kriteria adil paling penting bagi seseorang pemimpin. Bagi pernyataan umum mengenai politik wanita, majoriti responden bersetuju bahawa penyertaan wanita dalam politik boleh ditingkatkan lagi jika adanya sokongan daripada semua pihak. Justeru, lelaki dan wanita saling melengkapi dalam memastikan kepimpinan politik berada dalam keadaan baik, stabil dan cemerlang dari semasa ke semasa.

Kata Kunci:

Kepimpinan Politik, Institusi Politik, Gender, Berani, Suka Membantu

Abstract:

Good and effective political leadership is important to create a strong and credible political organization or institution. This is because good management depends on solid political leadership, trusted and trusted. The issue of gender in leadership became a hot discussion among politicians and society. However, both men and women as leaders have their own strengths and at the world level it is proven that national leadership is led by both sexes. Therefore, it is the purpose of writing this article to analyze gender character traits in political leadership. The data of this study was produced through 399 respondents from questionnaires, 5 interview informants and observations in the field in selected states in Malaysia by region, namely in Selangor for the Western region, Kedah for the Northern region and Kelantan for the Eastern region. The results of the study found that for male leadership, the majority of respondents stated that bravery was the most dominant characteristic of the gender while for female leadership, the majority of respondents stated that helpfulness was dominant for them. As for the criteria a leader must have, fair criteria is the most important for a leader. As for the general statement about women's politics, the majority of respondents agreed that women's participation in politics can be further increased if there is support from all parties. Thus, men and women complement each other in ensuring that political leadership is in a good, stable and excellent condition from time to time.

Keywords:

Political Leadership, Political Institutions, Gender, Brave, Helpful

Introduction

Kepimpinan politik di seluruh dunia diwakili oleh orang lelaki dan tidak terkecuali golongan wanita. Meskipun kepemimpinan politik sinonim dengan orang lelaki namun terdapat negara yang diketuai oleh wanita seperti Perdana Menteri Finland iaitu Sanna Marin; Perdana Menteri New Zealand (Jacinda Ardern), Perdana Menteri Bangladesh (Sheikh Hasina Wajeed), Perdana Menteri Denmark (Mette Frederiksen), Perdana Menteri Iceland (Katrin Jakobsdottir), Perdana Menteri Norway (Erna Solberg) dan Perdana Menteri United Kingdom (Liz Truss). Jika di Malaysia pula, kepemimpinan politik pernah disandang oleh wanita seperti Timbalan Perdana Menteri oleh Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Menteri Belia dan Sukan (Hannah Yeoh), Menteri Pengajian Tinggi (Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad), Menteri Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat (Dato' Sri Nancy Shukri), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Sri Azalina Othman Said) dan ramai lagi. Walaupun sesuatu organisasi politik diketuai oleh lelaki namun sekurang-kurangnya sayap kepimpinan wanita dan wanita muda masih diketuai perempuan. Namun terdapat streotaip sesetengah individu bahawa perempuan tidak sesuai memimpin sesuatu organisasi politik dengan alasan dan pandangan tertentu. Apapun begitu, telah terbukti bahawa di beberapa negara dan di Malaysia sendiri, kepimpinan wanita telah diberi peluang oleh elit politik dan pengundi sendiri untuk menjadi menteri bahkan wakil rakyat di sesuatu kawasan. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis ciri karekter gender dalam kepimpinan politik.

Sorotan Literatur

Terdapat banyak kajian lepas berkenaan penglibatan wanita dalam politik pilihan raya baik dalam negara mahupun luar negara. Bagi Majelar (1993) dalam kajiannya tentang sumbangan wanita Kelantan dalam pilihan raya mendapati bahawa sumbangan wanita Melayu dapat dilihat dalam beberapa segi seperti mengundi, sebagai penceramah dari rumah ke rumah selain daripada menjadi ahli parti politik. Menurut beliau lagi wanita Kelantan memberi sumbangan yang agak besar dalam bidang politik begitu juga dengan pengaruh undi mereka dalam memberi kemenangan kepada seseorang calon, memandangkan peratus wanita yang keluar mengundi adalah hampir sama dengan lelaki. Sesungguhnya sumbangan wanita dalam bidang politik tidak boleh dipandang remeh. Kamsaini (1995) mendapati bahawa wanita adalah aset yang penting bagi parti dan calon yang bertanding di Kelantan, kerana setia memberikan sokongan. Pendidikan mempengaruhi wanita Kelantan untuk menceburkan diri dalam politik dan membuat penilaian parti yang disokong.

Hibah (1997) dalam buku yang bertajuk 'Penglibatan Wanita dalam Politik Mengikut Perspektif Islam' menjelaskan bahawa Islam tidak mengenal pembahagian tugas aktiviti sosial antara lelaki dan wanita. Kedua-dua jenis makhluk ini sama-sama bertanggungjawab menjaga agama dalam pelbagai bidang. Wanita boleh bergiat dalam politik namun perlu dibentengi oleh lelaki kerana dunia politik penuh dengan kekasaran, fitnah dan tribulasi oleh musuh, oleh itu mereka perlu berganding bahu dalam aktiviti politik.

Hasil kajian Sumbangan Wanita Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes di Pasir Puteh Kelantan oleh Mohd Shardi (1999) mendapati keseluruhan wanita memberikan sumbangan terbesar sebagai pengundi dengan 92 peratus daripada mereka keluar mengundi pada hari pemungutan undi. Sebanyak 70 peratus responden merasakan wanita amat perlu bertindak sebagai pegawai penerangan parti untuk meningkatkan lagi jumlah pengundi dan pemimpin wanita yang bertanding dalam pilihan raya. Umumnya, penglibatan wanita sebagai pekerja parti kurang aktif memandangkan hanya 27 peratus daripada mereka yang terlibat dalam kerja-kerja parti semasa pilihan raya. Keseluruhannya, fungsi dan sumbangan terbesar kaum wanita semasa pilihan raya adalah sebagai pengundi yang bertanggungjawab.

Zeenath (2001) dalam buku yang bertajuk 'Women in Feminism and Politics: New Directions Towards Islamization' menjelaskan bahawa ajaran Islam mengangkat martabat wanita dalam kehidupan bersama lelaki dengan pengiktirafan kepada mereka dalam perkara yang berkaitan ekonomi dan politik. Justeru, wanita boleh maju ke hadapan dengan idea serta kudrat mereka sendiri demi memajukan peranan wanita pada masa akan datang.

Azan Fikri (2002) dalam kajian persepsi dan penerimaan penubuhan puteri UMNO dalam kalangan beliawanis Pasir Mas Kelantan mendapati golongan beliawanis 54 peratus adalah tidak berminat dengan puteri UMNO dan 45 peratus adalah berminat. Kajian juga mendapati golongan beliawanis masih lagi merujuk kepada keluarga dalam membuat keputusan. Golongan beliawanis juga lebih mementingkan pendidikan berbanding terlibat dalam politik tanah air.

Pejabat Perhubungan Awam Negeri Selangor (2002) dalam buku 'Wajah Amanah dan Wawasan Biografi Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan 1999-2004' menjelaskan bahawa YB Datin Paduka Hajjah Mesrah Selamat sebagai ADUN Jeram, Kuala Selangor sememangnya dikenali pengundi di Jeram kerana banyak aktiviti kemasyarakatan telah disertai beliau di kawasan Jeram melalui platform NGO, UMNO dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan.

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (2003) dalam buku yang bertajuk 'The Progress of Malaysian Women Since Independence 1957-2000' menyatakan bahawa penglibatan wanita dalam politik Malaysia sejak merdeka hingga tahun 2000 semakin meningkat. Mereka sedar tentang pentingnya wanita dalam pembuatan keputusan penting negara demi untuk mengangkat martabat wanita kepada tahap yang lebih baik dari semasa ke semasa.

Nasir (2005) dalam buku yang bertajuk 'Wakil Pilihan Rakyat: Direktori Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri 2004-2009' menjelaskan bahawa YB Dato' Khamsiah Yeop sebagai ahli Parlimen Lenggong, Perak antara ahli politik wanita terkenal di negara ini yang juga merupakan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Beliau merupakan seorang ahli politik wanita yang berpengalaman dalam memajukan wanita ketika memegang jawatan dalam UMNO di peringkat bahagian, Negeri Perak seterusnya di peringkat nasional.

Makmor (2006) dalam buku yang bertajuk 'Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak' menjelaskan bahawa Kerajaan Malaysia responsif terhadap tuntutan berkaitan isu dan kepentingan wanita yang diartikulasikan oleh National Council of Women's Organisations (NCWO). Selain membuat tuntutan, NCWO juga turut membantu mendokong sistem politik dengan menyediakan pelbagai sumber kepada kerajaan yang sekali gus membolehkan politik Malaysia menjadi stabil.

Noorun Nashriah (2008) dalam bab dalam prosiding yang bertajuk 'Kepimpinan Wanita Dalam Politik Dan Hala Tuju Polisi Awam Malaysia: Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke-12' menjelaskan bahawa terdapat "trademark" yang dibawa oleh calon wanita PKR dan PAS yang mana seakan-akan memberi gambaran terhadap identiti parti yang disertai oleh mereka. Malah dalam temubual ini juga, isu-isu dan strategi yang dibawa oleh calon wanita sewaktu pilihan raya umum ke-12 telah dapat dikenal pasti. Justeru itu, di akhir kajian ini akan dapat melihat kesan penglibatan wanita dalam proses politik dan juga kesan penyertaan tersebut terhadap halatuju penggubalan Polisi Awam di Malaysia. Zaherawati (2008) dalam bab dalam prosiding yang bertajuk 'Peranan Wanita Dalam Politik dan Pembangunan di Malaysia' menyatakan bahawa wanita adalah pelengkap untuk menguruskan pembangunan dan penglibatan dalam politik negara yang akan memberi satu paradigma baru dalam kedudukan mereka dalam kerajaan.

Nadrawina (2008) dalam bab dalam prosiding yang bertajuk 'Refleksi Wanita Dan Politik Di Negeri Sarawak: Satu Kajian Perbandingan Dalam Pilihan Raya Parlimen Dan Dewan Undangan Negeri Sarawak' menjelaskan bahawa partisipasi wanita sebagai calon dalam pilihanraya Parlimen dan DUN di negeri Sarawak masih rendah. Dalam hal ini, wanita terlibat dalam partisipasi politik kerana mereka adalah sebahagian daripada sistem politik yang sedia ada. Partisipasi mereka penting dan diperlukan kerana ia menjelaskan kesedaran politik wanita dalam menangani isu yang berkaitan dengan mereka. Dalam proses ini, kegiatan yang ditentukan oleh kerajaan akan melibatkan semua perkara yang berhubungkait dengan kerajaan termasuk struktur, fungsi dan dasar-dasar Kerajaan. Sehubungan itu, isu tentang wanita yang disuarakan oleh wanita sendiri boleh memberikan impak positif kepada pemerintah untuk melaksanakan dasarnya untuk kepentingan semua termasuk wanita dan bukannya kepentingan sesetengah golongan sahaja. Justeru, di dalam politik, kegiatan yang bermatlamatkan kepentingan awam adalah yang diutamakan.

Mohd Fuad (2009) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Wanita Malaysia dan politik' menjelaskan bahawa penglibatan wanita dalam aktiviti politik dan membuat keputusan memperlihatkan kemampuan mereka bersama-sama lelaki untuk berperanan dalam pembangunan sosioekonomi negara. Namun mereka mestilah berilmu dan menggunakan pendekatan politik baru dan lebih komited agar hak dan masalah wanita dapat ditangani dengan berkesan.

Roslan (2009) dalam buku yang bertajuk 'Wakil Pilihan Rakyat: Direktori Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri Malaysia Penggal Ke-12' menyatakan bahawa YB Datuk Rosnah Haji Abdul Rashid Shirlin merupakan ahli Parlimen Papar, Sabah yang juga menjawat Timbalan Menteri Kesihatan. Beliau pernah memegang jawatan Ketua Pergerakan Puteri UMNO Sabah yang juga merupakan seorang peguam. Beliau meningkat naik dalam politik Sabah bermula dari bawah sebagai AJK cawangan, AJK UMNO Negeri Sabah sehinggalah sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO pusat. Beliau bergiat dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan di Sabah melalui parti politik dan agensi kerajaan dengan jayanya.

Zahiruddin (2012) dalam buku yang bertajuk 'Cerita Kak Wan' menjelaskan kesetiaan dan ketabahan Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail sebagai isteri kepada ahli politik iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim wajar dijadikan contoh dan teladan kepada isteri ahli politik betapa pentingnya kesabaran dalam menghadapi hari demi hari dalam dunia politik yang penuh mehnah, tribulasi dan kekejaman yang tiada belas ehsan. Kekentalan Dato' Seri Wan Azizah telah teruji dan wajar diberi peluang untuk terlibat dalam kancah politik yang lebih mencabar. Zahiruddin (2013) dalam buku yang bertajuk 'Cerita Kak Wan: Citra Pesona Seorang Wanita' menjelaskan bahawa Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail merupakan seorang ahli politik wanita yang dikendalikan oleh dugaan. Beliau mempunyai banyak idealisme, kenangan, suka, duka dalam politik.

Roslina & Nor Hayati (2013) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Pemimpin dan Isu-isu Politik Menjelang PRU-13: Perspektif Wanita Terengganu' menjelaskan bahawa wanita di Terengganu lebih cenderung menyokong BN. Ini kerana mereka bersikap positif terhadap dasar Kerajaan BN Terengganu dan isu yang memihak kepada BN. Namun keadaan ini boleh berubah pada hari kempen dan pengundian kerana faktor calon yang ditampilkan mestilah mesra perempuan dan tidak pernah menyinggung perasaan wanita.

Nurul Izzah (2014) dalam buku yang bertajuk 'Masa Depan Masa Kita!' menjelaskan bahawa suara rakyat perlu didengar, diambil perhatian dan diambil tindakan kerana ahli politik naik kerana rakyat, oleh itu berkhidmatlah kepada rakyat sehabis baik mungkin. Beliau menyatakan lagi bahawa jika diberi peluang oleh rakyat untuk berkhidmat, beliau yakin seluruh rakyat akan menterjemah kepimpinan, risalah kebenaran serta keadilan dalam semua bentuk yang baik untuk membina kembali kegemilangan insaniah bertakwa sebagai khalifah di muka bumi fana ini.

Sharifah Syahirah & Rashila (2016) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Mitosis Demokrasi dan Politik Gender di Malaysia' menjelaskan bahawa dalam PRU 2013, semua parti politik masih belum mempraktikkan dasar 30 peratus wanita sebagai calon dalam pilihan raya. Walaupun terdapat sedikit peningkatan calon wanita dalam PRU 2013 namun masih tidak menampakkan proses demokrasi yang baik dari perspektif gender.

Badlihiham & Khazani (2016) dalam kertas kerja yang bertajuk 'Muslimat PAS dan Pendekatan Politik Matang' menjelaskan bahawa pendekatan politik matang dan sejahtera dalam muslimat PAS memperlihatkan politik dan dakwah mereka yang lebih moderat dan sederhana. Pendekatan ini lebih mesra, tidak memaksa dan ber hikmat bagi memaparkan Islam sebagai ajaran yang baik dan dapat diterima semua lapisan masyarakat.

Nik Safiah et al. (2016) dalam buku yang bertajuk 'Biografi Tokoh Wanita Kelantan Jilid 1' menjelaskan bahawa Allahyarham Hajah Ilani Isahak merupakan ahli politik wanita Kelantan lulusan Undang-Undang yang banyak berjasa kepada wanita Kelantan ketika menjadi ahli Parlimen Kota Bharu dan ketika dalam Wanita UMNO Malaysia. Nik Safiah et al. (2020) dalam buku yang bertajuk 'Biografi Tokoh Wanita Kelantan Jilid 2' menjelaskan bahawa Datuk Hajah Siti Jeliha@Zaleha Hussin merupakan seorang tokoh politik wanita Kelantan yang berjasa di peringkat negeri Kelantan dan juga Persekutuan dengan memegang pelbagai jawatan yang dapat memperbanyakkan lagi aktiviti kemasyarakatan pada peringkat negeri dan Persekutuan.

Ummu Atiyah & Zaireeni (2017) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Women Representation in the Malaysian Politics' menjelaskan bahawa masa depan dan halatuju wanita dalam politik bergantung kepada tiga perkara iaitu terdapat banyak halangan atau tembok berbentuk struktural dan berpunca daripada mereka sendiri; kesanggupan pihak berkuasa memberikan tanggungjawab kepada wanita iaitu jawatan tertinggi seperti menteri penuh; dan minat dan kesanggupan wanita untuk bertanding dalam sesuatu pilihan raya. Kartini (2017) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Women and Politics: Social Construction and Deconstruction' menjelaskan bahawa undi wanita adalah penting dalam sesuatu pilihan raya. Mereka boleh menentukan kemenangan parti politik yang bertanding. Oleh itu, parti politik perlu memberikan ruang yang lebih luas kepada wanita untuk bertanding pada pilihan raya akan datang.

Muhammad Rahimi & Bahiyah (2017) dalam artikel jurnal yang bertajuk 'Pembangunan Kepimpinan Wanita: Membina Ilmu Watan Bagi Kepimpinan Wanita Menerusi Kehidupan Tun Fatimah Hashim' menjelaskan bahawa pemugaran, penerokaan dan penelitian terhadap kepimpinan Fatimah Hashim ternyata memberikan sudut pandang tempatan dalam korpus kajian kepimpinan wanita. Dengan mengetengahkan sudut pandang para sarjana tempatan, asas-asas pengupayaan dan pemberdayaan wanita untuk melonjakkan diri ke mercu

kepimpinan dapat diusulkan berdasarkan realiti pembangunan kepimpinan wanita yang diharungi Fatimah Hashim. Oleh yang demikian, kajian ini mengusulkan pembinaan ilmu watan kepimpinan wanita dipergiatkan agar penteorian kajian wanita bernuansa tempatan dapat diperkaya, lantas diperteguhkan.

Adibah Yasmin & Mahfudzah (2018) dalam buku yang bertajuk 'Representasi Politik Wanita di Parlimen Singapura dan Malaysia' menjelaskan bahawa representasi wanita dalam parlimen adalah penting bagi mewujudkan keseimbangan gender dalam mendepani pelbagai isu yang berbangkit terutamanya yang melibatkan isu wanita, keluarga dan anak.

Zeenath (2018) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'From Kaum Ibu to Kaum Reformasi' menjelaskan bahawa keputusan PRU 2018 telah membawa perubahan institusi dalam sejarah politik Malaysia kerana buat pertama kali dalam sejarah bahawa Timbalan Perdana Menteri dilantik dalam kalangan pimpinan wanita iaitu Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail. Namun diharap penglibatan wanita dalam kepimpinan tinggi negara dapat ditingkatkan lagi menuju 30 peratus pada masa akan datang.

Khoo (2018) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Wan Azizah-the Other Doctor in the House' menjelaskan bahawa penglibatan Dr. Wan Azizah selama 20 tahun dalam politik negara ini diharap dapat menjadi 'doktor politik' agar dapat merawat politik negara yang semakin teruk 'sakitnya' menuju PRU 2018.

Fatimi, Zulkanain & Arbai'yah (2018) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Dorongan Penglibatan Wanita Melayu dalam Politik di Malaysia, 1999-2008' mendapati bahawa wanita penting dalam mewarnai senario politik baharu di Malaysia. Peranan dan sumbangan wanita dalam pentadbiran negara dapat memberi keseimbangan dan kestabilan dalam pembangunan negara. Mereka juga dilihat mampu menghadapi cabaran dan halangan dalam memperjuangkan hak dan keperluan mereka setanding dengan kaum lelaki di samping memberi saingan yang sengit kepada kaum lelaki.

Kartini & Zaireeni (2019) dalam buku yang bertajuk 'Penglibatan Wanita dalam Pilihan Raya' menjelaskan bahawa walaupun penglibatan wanita masih belum mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus dalam politik, namun sumbangan dan keberadaan wanita dalam politik, pilihan raya dan ruang awam telah menampakkan impak substantif kepada negara dan masyarakat.

Fatimi, Arba'iyah & Muhammad Shamsinor (2019) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Penglibatan Wanita Sebagai Wakil Rakyat Parlimen: Analisis Keputusan' menjelaskan bahawa penglibatan wanita dalam politik di Malaysia semakin meningkat sejak mutakhir ini. Wanita juga mampu memacu dan berusaha sendiri untuk menjadi wanita berjaya dan berkaliber termasuk menjadi wakil rakyat.

Nor Rafidah, Sity & Mohd (2020) dalam buku yang bertajuk 'Pemeriksaan Penglibatan Politik Wanita di Malaysia: Kepimpinan dan Gender' menghujahkan bahawa kemampuan kepimpinan wanita tidak dipengaruhi oleh gender sebaliknya hanya mempengaruhi gaya kepimpinannya sahaja. Pemeriksaan penglibatan wanita dalam badan perundangan negara bukan sahaja dapat mengubah keadaan politik semasa tetapi juga dapat mengubah pandangan masyarakat terhadap kemampuan wanita sebagai pemimpin.

Azizan & Kartini (2021) dalam buku yang bertajuk 'Dasar Wanita Negara: Mengarusperdanakan Gender dalam Sektor Politik dan Pekerjaan' menyatakan bahawa orientasi gender dalam politik memerlukan masa yang panjang untuk direalisasikan dengan mengambil kira faktor budaya, amalan serta norma yang telah diterapkan dalam masyarakat.

Husna (2021) dalam temu bual bersama Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail iaitu bekas Timbalan Perdana Menteri dalam buku 'Ordinary Women Extraordinary Lives' menyatakan bahawa beliau merupakan seorang wanita yang hebat kerana berperanan dalam pelbagai perkara iaitu sebagai Doktor Perubatan, sebagai isteri, sebagai ibu, sebagai ahli Parlimen dan terakhir sebagai bekas Timbalan Perdana Menteri. Ketabahan dan kebijaksanaan beliau berperanan dalam banyak perkara tersebut menjadikan beliau seorang 'public figure' yang dihormati kawan dan lawan seantero negara dan antarabangsa.

Hishammuddin (2022) dalam buku tulisan beliau yang bertajuk 'Merakam Sejarah: "Turun Jalan Raya Menang Pilihan Raya"' menjelaskan bahawa faktor pembawaan imej politik dengan ucapan pidato politik yang tuntas, teratur dan jelas dalam mengajukan garis perjuangan oleh Wan Azizah Wan Ismail iaitu isteri kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim turut menjadi pemangkin kepada kemenangan PH menawan Putrajaya dalam PRU 2018.

Metod Kajian

Bagi penulisan artikel ini, kedua-dua metod atau kaedah kuantitatif dan kualitatif telah digunakan untuk mengukuhkan dapatan kajian seterusnya memantapkan analisis kajian. Kaedah kualitatif melibatkan pengalaman hidup yang sebenar sebagai tindak balas kepada penterjemahan dan kefahaman kehidupan manusia serta realiti dunia sebenar. Data yang diperoleh daripada kaedah ini kebiasaannya tidak berstruktur tetapi memiliki skop yang amat mendalam. Teknik penyelidikan yang digunakan dalam kaedah ini ialah pemerhatian di lapangan bagi memahami sendiri kehidupan dan pengalaman yang dilalui oleh responden. Kaedah kuantitatif lebih melibatkan data berangka. Kaedah ini turut digunakan bagi membuktikan atau menyanggah sesuatu hipotesis dan mampu menghasilkan penemuan baru. Selain itu, kaedah ini juga berupaya untuk menghasilkan keputusan yang tepat, sah, boleh dipercayai dan objektif dalam skop data kajian. Data kuantitatif dan maklumat kualitatif bagi penulisan artikel ini diperoleh dengan menggunakan metod rujukan sumber primer iaitu soal selidik dan temu bual di lapangan dan juga pemerhatian di lapangan manakala data sekunder pula diperoleh melalui rujukan sekunder terhadap bahan-bahan bercetak yang berkenaan daripada laporan, kertas kerja, artikel jurnal, buku prosiding, buku rujukan ilmiah dan jurnal. Data kajian ini dihasilkan melalui 399 orang responden daripada soal selidik, 5 orang informan temu bual dan pemerhatian di lapangan di negeri terpilih di Malaysia mengikut wilayah iaitu di Selangor bagi wilayah Barat, Kedah untuk wilayah Utara dan Kelantan untuk wilayah Timur. Data soal selidik serta temu bual dan bahan daripada sumber sekunder digarap bersekali mengikut lunas akademik seterusnya menghasilkan penulisan analisis tersebut yang berkesan.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Ciri-Ciri Pemimpin Lelaki

Dapatan kajian bagi ciri kepimpinan ahli politik lelaki menunjukkan bahawa ciri berani adalah min yang tertinggi iaitu 3.16 (Lihat Jadual 1). Lelaki mempunyai ciri fizikal yang lebih besar dan kuat berbanding perempuan maka lelaki mempunyai ciri berani yang lebih dominan

berbanding ciri lain. Ciri berani perlu dimiliki oleh lelaki dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemimpin kerana mereka perlu berurusan dengan karenah pelbagai karakter manusia dan pelbagai jenis masalah yang dihadapi oleh pengundi atau ahli parti di kawasan mereka mahupun di peringkat yang lebih tinggi sama ada, negeri, negara bahkan antarabangsa. Ciri berani bagi lelaki penting bagi mengenalpasti permasalahan rakyat yang dihadapi dengan niat untuk menyelesaikan masalah rakyat secepat dan sebaik mungkin. Selain itu, pemimpin yang berani akan dihormati, dikagumi dan dipandang tinggi oleh rakyat mereka pemimpin berkarakter ini dilihat tanpa mementingkan diri sendiri serta berkeyakinan tinggi bagi memberikan khidmat yang terbaik kepada semua pihak.

Ciri kedua adalah aktif dengan min 3.04. Dengan keadaan fizikal yang besar, kuat dan meyakinkan maka ciri kepimpinan lelaki yang aktif antara yang dipentingkan oleh rakyat dan ahli bawahan. Pemimpin yang berguna dan produktif semestinya seorang yang aktif dalam mencungkil masalah dan menyelesaikan masalah tersebut dengan kadar yang cepat, tanpa tertangguh serta sebaik mungkin. Pemimpin yang aktif dapat bertindak dengan pantas seterusnya dapat mengelakkan sesuatu permasalahan tertangguh dengan begitu lama. Pemimpin lelaki yang aktif juga akan disanjung tinggi dan lebih dikenali kerana mereka dilihat tiada masa untuk rehat atau menyembunyikan diri daripada rakyat maka sebarang isu atau permasalahan ataupun program bersama rakyat dapat dilihat sepanjang masa dan tidak bersifat bermusim atau hanya menunjuk muka ketika program yang melibatkan kepimpinan tertinggi semata-mata.

Ciri ketiga yang utama adalah pandai bergaul dengan min 2.94. Kepimpinan lelaki perlu pandai bergaul dengan semua lapisan masyarakat tanpa mengira etnik, jantina, kelas sosioekonomi, fahaman politik dan sebagainya. Ini kerana sebagai seorang pemimpin, mereka perlu berkhidmat kepada semua pihak kerana semua pihak berhak mendapat perkhidmatan yang terbaik. Perkhidmatan kepada semua pihak adalah penting terutamanya jawatan sebagai wakil rakyat yang memerlukan undian majoriti daripada semua pengundi yang layak mengundi. Oleh itu, kepimpinan lelaki perlu pandai bergaul mengikut kesesuaian individu atau kelompok masyarakat yang ditemui agar mereka lebih dikenali, berjiwa besar, dilihat berpengalaman dan berjasa, tidak ego atau tidak sombong, dan dilihat *versetile* atau mudah menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan.

Jadual 1: Ciri Kepimpinan Ahli Politik Lelaki

Bil.	Ciri pemimpin lelaki	1 (sangat rendah)	2 (rendah)	3 (tinggi)	4 (sangat tinggi)	min
1.	Berani	1.5	11.8	55.9	30.8	3.16
2.	Aktif	2.0	16.3	57.6	24.1	3.04
3.	Pandai bergaul	2.8	22.6	52.6	22.1	2.94
4.	Mesra	3.0	24.8	54.4	17.8	2.87
5.	Boleh mengurus pasukan	4.3	26.1	48.4	21.3	2.87
6.	Boleh bekerjasama	3.5	27.3	48.6	20.6	2.86

7.	Disenangi	3.0	28.3	51.6	17.0	2.83
8.	Bijak mengawal emosi	4.5	27.1	49.1	19.3	2.83
9.	Bijak membuat keputusan	4.3	27.8	48.9	19.0	2.83
10.	Boleh menyelesaikan masalah	4.3	28.3	49.1	18.3	2.81
11.	Tenang	4.5	30.1	46.6	18.8	2.80
12.	Boleh berunding	5.5	29.3	45.6	19.5	2.79
13.	Suka membantu	4.0	32.3	47.4	16.3	2.76
14.	Berdisiplin	3.8	34.8	45.4	16.0	2.74
15.	Boleh memahami	4.8	34.1	44.4	16.8	2.73
16.	Mudah berhubung	7.3	35.1	41.9	15.8	2.66
17.	Boleh dipercayai	4.5	42.6	41.1	11.8	2.60
18.	Mudah simpati	7.0	44.1	37.8	11.0	2.53
19.	Merendah diri	8.3	44.4	35.8	11.5	2.51
20.	Mudah emosional	10.0	45.9	33.8	10.3	2.44

Soal selidik 2023

Ciri-Ciri Pemimpin Wanita

Dapatan kajian bagi ciri kepimpinan ahli politik perempuan menunjukkan bahawa ciri suka membantu adalah min yang tertinggi iaitu 3.05 (Lihat Jadual 2). Bersesuaian dengan karakter kepimpinan wanita yang mesra dan lemah lembut maka mereka mempunyai sifat suka menolong ahli bawahan dan rakyat jelata. Wanita sesuai diletakkan sebagai jentera pelaksana dalam sesuatu program kerana wanita mempunyai sifat rajin dan proaktif dalam melakukan sesuatu kerja. Sikap suka membantu ini akan memudahkan lagi pelaksanaan kerja dan program yang dilaksanakan. Meskipun sifat suka membantu dilihat peranan ahli bawahan namun sebagai pemimpin yang merakyat dan rapat dengan rakyat maka pimpinan wanita sesuai turun padang dan menggerakkan jentera dibawah agar menjadi ikutan ahli.

Ciri kedua adalah berdisiplin dengan min 3.03. Kepimpinan wanita juga terkenal dengan ciri berdisiplin dalam melakukan sesuatu program atau pekerjaan. Mereka patuh kepada peraturan, setia dan konsisten dalam mengikuti arahan kerja yang ditetapkan. Kejayaan sesuatu program dengan cemerlang bergantung kepada disiplin kerja, kekemasan dan ketelitian dan ciri ini ada pada kepimpinan wanita. Disiplin kerja ini dapat dijadikan contoh oleh semua pihak bagi memastikan sesuatu program dapat dilaksanakan dengan lancar, terbaik dan cemerlang. Sikap berdisiplin tersebut boleh menghasilkan prestasi kerja yang cemerlang dan boleh dicontohi oleh semua pihak termasuk kepimpinan lelaki. Oleh itu, kepimpinan wanita sesuai diberikan tugas

yang bersifat rutin, tekun dan mempunyai arahan kerja yang sama dan rumit. Informan kajian iaitu Juwairiya Zulkifli iaitu Timbalan Ketua Wanita PKR yang juga calon PKR bagi DUN Hulu kelang, Selangor menjelaskan bahawa;

“First, disiplin. Kerana dia kena patuh kepada persekitaran politik yang memulakan komitmen dan disiplin yang tinggi dalam politik lah especially. She must also be able to manage manusia ya, managing people... Ataupun... Yelah, pengurusan manusia. Sebab apa? Managing people at our own level. Memimpin, pengikut, orang biasa. Sebab saya go through that. Paling saya pening adalah nak urus rakyat. Waktu mula-mula kita jadi wakil rakyat kan? Macam-macam ragam. So we got to be able to manage people. Ketiga adalah masa. Managing time juga. Women have a lot of peranan sebagai ibu, sebagai isteri. Yang ada kerjaya pun ada, kerjaya dan juga politik. So how you manage your time untuk menguruskan semua ni dan tidak ketinggalanlah. Dan... Networking. Networking. Kalau wanita tu ada networking yang baik, di peringkat nasional, di peringkat akar umbi, dia ada penyokong yang kuat dan tahu dengan siapa harus dia deal with, dia akan dapat the spot lah. She will get where she wanna go. If she knows to whom she should deal with. Itu kena ada rapport yang baik. Dan I think kena istiqomah lah. Kena istiqomah”.

(Juwairiya Zulkifli, 13 September 2023)

Ciri ketiga adalah mudah simpati dengan min 3.03. Kepimpinan wanita mudah simpati dengan situasi yang berlaku kepada ahli bawahan dan rakyat. Bersesuaian dengan sifat mereka yang penyayang, belas ehsan dan ambil berat maka mereka mudah bersimpati dengan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat terutamanya yang sedang menghadapi kesusahan. Mereka akan cuba sedaya upaya untuk membantu menyelesaikan masalah tersebut mengikut cara mereka sendiri. Kepimpinan wanita juga terkenal dengan jiwa yang lembut dan mudah didekati oleh semua pihak. Mereka boleh memujuk dengan berkesan dengan nada suara yang lemah lembut seterusnya boleh terpengaruh dengan pujukan mereka. Sifat mudah simpati juga dapat memastikan mereka mendapat sokongan daripada pengundi dalam sesuatu kempen pilihan raya yang dijalankan.

Jadual 2: Ciri Kepimpinan Ahli Politik Wanita

Bil.	Ciri pemimpin wanita	1 (sangat rendah)	2 (rendah)	3 (tinggi)	4 (sangat tinggi)	Min
1.	Suka membantu	2.5	14.3	59.1	24.1	3.05
2.	Berdisiplin	1.8	16.3	59.6	22.3	3.03
3.	Mudah simpati	3.0	16.0	56.1	24.8	3.03
4.	Disenangi	2.8	20.6	53.9	22.8	2.97
5.	Mesra	2.5	20.6	54.9	22.1	2.96
6.	Boleh bekerjasama	2.3	20.8	57.1	19.8	2.94
7.	Boleh memahami	3.3	22.1	54.1	20.6	2.92

8.	Pandai bergaul	3.3	26.3	49.1	21.3	2.88
9.	Aktif	3.5	22.8	58.1	15.5	2.86
10.	Boleh berunding	3.3	25.8	53.9	17.0	2.85
11.	Boleh dipercayai	4.0	25.1	54.6	16.3	2.83
12.	Boleh menyelesaikan masalah	2.8	28.8	51.4	17.0	2.83
13.	Mudah emosional	5.3	29.1	45.6	20.1	2.80
14.	Boleh mengurus pasukan	3.5	28.6	52.1	15.8	2.80
15.	Bijak membuat keputusan	3.0	30.8	50.4	15.8	2.79
16.	Berani	4.0	27.8	54.1	14.0	2.78
17.	Mudah berhubung	4.3	31.3	46.9	17.5	2.78
18.	Merendah diri	4.5	30.1	53.4	12.0	2.73
19.	Bijak mengawal emosi	7.0	50.1	32.3	10.5	2.46
20.	Tenang	5.3	33.1	49.6	12.0	2.68

Soal selidik 2023

Kriteria Pemimpin

Kepimpinan yang berkesan dan dihormati perlu mempunyai kriteria tertentu. Kriteria paling utama yang menjadi pilihan responden dalam kajian ini adalah adil dengan 95.2 peratus menyatakan 'Ya' terhadap kriteria tersebut (Lihat Jadual 3). Seperti masa sedia maklum bahawa ahli bawahan dan rakyat atau pengundi terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi seperti jantina, kaum, kelulusan akademik tertinggi, jumlah pendapatan bulanan dan tahunan yang berbeza bahkan pelbagai rencam lagi dari segi karekter atau perwatakan. Justeru, meskipun pimpinan utama berkuasa dalam menentukan keputusan utama yang penting namun responden berharap agar mereka diperlakukan seadilnya tanpa pilih kasih dan berat sebelah kepada sesuatu pihak sahaja. Ciri ini penting bagi memastikan sesuatu kepimpinan mendapat sokongan penuh yang tidak berbelah bahagi daripada seluruh segmen sosioekonomi ahli biasa dan rakyat/pengundi yang pelbagai ini.

Kriteria kedua adalah kuat agama iaitu 79.7 peratus. Pemimpin juga perlu mempunyai nilai kerohanian/agama yang kuat, taat dan istiqamah/konsisten. Hidup beragama diyakini akan menghasilkan keperibadian yang baik, mesra dan dihormati semua pihak. Ini kerana agama itu sendiri merupakan pegangan dan nasihat yang baik dan berguna dalam kehidupan individu atau masyarakat. Pemimpin yang beragama diyakini dan dipercayai akan membawa atau menyeru

pengikutnya kepada berbuat baik sesama manusia dan dapat membentuk integriti atau tatakelola yang baik. Pemimpin beragama juga menerapkan pemikiran menerima takdir daripada Tuhan, aktiviti harian sebagai ibadah untuk memperoleh pahala dan sesuatu perbuatan akan mendapat balasan syurga. Justeru, pemimpin yang ciri beragama akan mendapat sokongan dan kepercayaan daripada ahli bawahan yang wala' atau patuh kepada kepimpinan tersebut.

Kriteria ketiga penting bagi pilihan responden adalah berpendidikan tinggi iaitu 77.2 peratus. Pemimpin yang berpendidikan tinggi (sehingga PhD) adalah penting dalam memimpin ahli bawahan dan rakyat jelata/pengundi di kawasan masing-masing. Berpendidikan tinggi menghasilkan pemikiran dan idea pemimpin yang berwawasan dan berfikiran jauh bagi menerapkan budaya berfikir secara rasional, matang dan bijaksana di samping menjayakan agenda pembangunan fizikal di sesuatu kawasan. Pemimpin yang mempunyai tahap pendidikan tinggi telah teruji dalam usaha mendapatkan pengiktirafan daripada institusi yang mereka masuki. Mereka dilatih untuk berfikir kreatif, kritis dan mendalam dalam menyelesaikan sesuatu isu atau permasalahan yang dihadapi. Mereka juga diterapkan pemikiran masa depan dan jangka panjang dalam menyelesaikan permasalahan kajian yang mereka lakukan ketika di institusi tersebut. Justeru, pemimpin yang mempunyai tahap pendidikan tinggi adalah penting bagi menjayakan agenda pemeraksanaan rakyat dan pembangunan di kawasan mereka.

Jadual 3: Kriteria Yang Perlu Ada Pada Seorang Pemimpin

Bil.	Kriteria pemimpin	Ya (mesti)	Tidak semestinya
1.	Adil	95.2	4.8
2.	Kuat agama	79.7	20.3
3.	Berpendidikan tinggi	77.2	22.8
4.	Berpersonaliti menarik	73.7	26.3
5.	Anak tempatan	73.4	26.6
6.	Berpengalaman dalam politik	73.2	26.8
7.	Dikenali ramai	52.4	46.6
8.	Umur matang (40 tahun ke atas)	39.3	60.7
9.	Seorang lelaki	37.8	62.2
10.	Kaya	21.8	78.2

Soal selidik 2023

Kepimpinan Wanita

Bagi pernyataan umum mengenai kepimpinan wanita, pernyataan 'Penyertaan wanita dalam politik boleh ditingkatkan lagi jika adanya sokongan daripada semua pihak' mendapat persetujuan yang tertinggi iaitu 90.0 peratus (Lihat Jadual 4). Penyertaan wanita dalam politik di negara ini boleh dipertingkatkan lagi melalui sokongan dan kelulusan kepimpinan tertinggi

parti politik, negeri dan negara. Pimpinan utama perlu yakin dengan kemampuan, kebolehan, kelayakan dan pengaruh kepimpinan wanita kerana telah terbukti bahawa di negara ini sudah terdapat pimpinan wanita di peringkat nasional yang telah berjaya dan kompeten dalam portfolio yang diberikan. Dengan ciri atau karekter kepimpinan wanita yang tegas, berdisiplin, teliti dan lantang, penyertaan mereka dalam kepimpinan dalam semua aras perlu diberi perhatian dan diberi peluang seluas mungkin agar kepimpinan di negara ini boleh terus maju ke hadapan dari semasa ke semasa. Informan kajian iaitu YB Michelle Ng Mei Sze iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Subang Jaya, Selangor dan Setiausaha Publisiti DAP Selangor menjelaskan bahawa;

“Bagi saya, kami... Kami kena... bagi saya, results based. Results based. Because bertapa lantang suara you pun kalau tak ada result, maka dia amount to nothing lah. Kan? Dia akan kata, mungkin orang ini pandai bercakap tapi akhirnya tak ada hasil. Kan? Tapi bila ada result untuk berbicara, then okay. Jadi orang tak akan pandang. Jika kami lihat kepada wanita-wanita yang selalu disebutlah, contoh Tan Sri Rafidah Aziz. Why? Dia lantang bersuara at the same time, dia produce results juga. Ya, Dato’ Sri Azalina Othman. Lantang bersuara but at the same time, produce results. Dan daripada result tu sahaja, orang ada keyakinan dalam kami. Mereka akan hormat kepada wanita. So, in this time, unfortunately... Lebih, kami kena keras bekerja lah. Kalau berbanding lelaki lah. But in the long run, it would do justice for the future generations”.

(YB Michelle Ng Mei Sze, 13 Oktober 2023)

Pernyataan seterusnya adalah ‘Wanita boleh menjadi ahli politik yang berketrampilan sekiranya dilatih’ dengan mendapat persetujuan 89.7 peratus. Meskipun wanita tidak sehebat lelaki dalam memimpin namun mereka boleh terus dilatih sebaiknya dan diberi peluang untuk masuk dalam kepimpinan tertinggi. Wanita mudah belajar, berdisiplin dan patuh kepada peraturan atau arahan yang telah ditetapkan. Justeru, mereka boleh diberi latihan secukup dan sebaiknya untuk memimpin ke peringkat yang lebih tinggi. Pada masa kini, apa yang dilakukan oleh golongan lelaki sudah dapat dilakukan oleh wanita sama ada dari segi pekerjaan mahupun aktiviti sosioekonomi dalam masyarakat dan negara bahkan di peringkat antarabangsa. Justeru, mereka wajar diberi peluang bahkan latihan secukupnya untuk memimpin di peringkat yang lebih tinggi. Informan kajian iaitu Noratikah Bohari iaitu Naib Ketua Puteri Umno Bahagian Tanjong Karang, Selangor menjelaskan bahawa;

“Wanita mempunyai idea dan pandangan yang bernas dan boleh mewakili semua pihak termasuk orang lelaki. Wanita perlu diberi peluang untuk memimpin atau menjadi calon DUN atau Parlimen (terbukti kerana terdapat beberapa orang Puteri dan Wanita UMNO telah bertanding dan menang dalam pilihan raya sama ada di peringkat DUN mahupun Parlimen, bahkan ada yang menjadi Menteri dan Timbalan Menteri). Wanita ini mempunyai pengalaman, pengaruh, bersikap efektif, layak, berkaliber dan ada mandat daripada ahli bawahan. Namun perlu juga lihat keradaan persekitaran dan sokongan setempat. Kepimpinan yang terlalu lama perlu berhenti dan memberi peluang kepada golongan muda untuk ke hadapan. Namun jika masih mendapat sokongan maka ahli politik lama ini masih boleh bertanding dengan syarat sebagai ‘calon boleh menang’”.

(Noratikah Bohari, 10 Ogos 2023)

Pernyataan ketiga adalah ‘Wanita boleh menjadi pemimpin yang cekap sepertimana lelaki’. Wanita boleh bekerja atau bertindak dan tangkas dan cergas seperti lelaki dengan sokongan dan kepercayaan semua pihak. Meskipun wanita dilihat tidak sekuat lelaki namun mereka cepat belajar dan boleh bertindak setangkas lelaki jika diberi peluang untuk memimpin sesuatu

program atau gerak kerja. Wanita juga prihatin dan sensitif terhadap tugas yang diberikan di samping sistematik dalam gerak kerja yang diatur dari semasa ke semasa. Oleh itu, mereka wajar diberi peluang untuk memimpin ke peringkat yang lebih tinggi. Informan kajian iaitu YB Rodziah Ismail iaitu Ahli Parlimen Ampang, Selangor, ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR, Ex-Officio Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Selangor dan Ketua Cabang KEADILAN Shah Alam, Selangor menjelaskan bahawa;

“Saya rasa parti kami tak ada masalah. Tak ada masalah sehingga kita pernah memperjuangkan, meletakkan basal 30% itu di dalam kita punya polisi. So Alhamdulillah kalau tengok dalam parti keadilan, kita ada fasal 14 itu meletakkan 30% wanita di mana pihak. Tetapi dia isu besar ni adalah kesediaan wanita. Yang itu saya sekarang ni bila saya dah bertenang, tak ada kerja banyak ni duduk-duduk di Parlimen, saya nampak sebenarnya benda itu yang kena kita tackle dulu. Melaungkan tiga peratus tak cukup. Melaungkan wanita mesti diangkat pun tak cukup. Dia kena melibatkan dengan capacity building dia. Lepas itu kena juga nanti saya explain tentang apa yang saya tengah buat. Sebab itu sekarang saya banyak minggle dengan anak muda. Ya saya minggu depan kan... minggu depan ini saya akan ada buat Parlimen Wanita Muda. So saya dah mulakan masa saya PKW, Pusat Wanita di Selangor dulu. Saya start dengan memposisikan wanita ni di ruang dia sendiri dulu kan. Kita buat wujudkan penyelia wanita. Lepas itu kita ada melantik mereka macam kita lantik ke tu kampung, masuk dalam bentuk dasar. Dia tak cukup dengan hanya kata-kata. Dia kena ada dasar dan komitmen yang betul-betul definite dan benda itu bukan one-off. Benda itu berterusan. Development tu kena berterusan kan? Macam di sini pun di Parlimen saya nampak kita kena mulakan lah. Sebab itu masa saya jadi EXCO Selangor, beberapa Dasar yang saya tukar, pertama ketua kampung tidak lagi meletak hanya lelaki. So it's open for all kan? Dan kita letak... apa ni, PBT. Ahli-ahli majlis... juga kita bagi dasar 30% itu. Tetapi ada tetapi dia. Nak buat ke tak nak buat. Contohnya nama-nama itu datang daripada parti. Masa saya jadi Ketua Wanita Selangor, saya rasa dua penggal lepas... kan? Dua... dua tahun lepas saya memang make sure 30%. Saya fight for that”.

(YB Rodziah Ismail, 9 November 2023)

Jadual 4: Kepimpinan Wanita Dalam Persada Politik Negara

Bil.	Kepimpinan wanita	Setuju	Tidak setuju
1.	Penyertaan wanita dalam politik boleh ditingkatkan lagi jika adanya sokongan daripada semua pihak.	90.0	10.0
2.	Wanita boleh menjadi ahli politik yang berketrampilan sekiranya dilatih.	89.7	10.3
3.	Wanita boleh menjadi pemimpin yang cekap sepertimana lelaki.	73.4	26.6
4.	Wanita terhalang daripada menyertai politik kerana anggapan-anggapan negatif masyarakat.	64.4	35.6
5.	Lebih ramai wanita perlu dicalonkan sebagai wakil rakyat.	63.7	36.3

6.	Wanita harus diberikan lebih banyak jawatan dalam politik.	57.9	42.1
7.	Wanita tidak dapat memberi komitmen yang tinggi sekiranya dilantik sebagai wakil rakyat.	26.3	73.7
8.	Wanita tidak mampu memikul amanah besar sebagai seorang wakil rakyat.	21.1	78.9
9.	Jawatan dalam politik hanya sesuai untuk lelaki sahaja.	15.0	85.0

Soal selidik 2023

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kepimpinan lelaki atau wanita mempunyai kelebihan yang tersendiri yang boleh saling melengkapi antara satu sama lain. Gandingan kedua-dua gender ini dapat memantapkan organisasi politik yang semakin rumit dengan pandangan serta tingkah laku ahli bawahan organisasi politik yang rencam hasil daripada perkembangan teknologi komunikasi maklumat yang pantas dan menarik ini. Hasil perbincangan, tolak ansur dan susunan strategi yang berkesan antara kepimpinan politik lelaki dan wanita akan menghasilkan organisasi politik yang mantap dan dihormati semua pihak. Justeru, kepimpinan politik lelaki dan wanita perlu berganding bahu saling melengkapi antara satu sama lain bagi mengukuhkan organisasi politik dalam program parti, pilihan raya seterusnya penyertaan dalam pemerintahan lokal dan nasional.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini melalui penganugerahan geran penyelidikan yang berkod SK-2023-019.

Rujukan

- Adibah Yasmin Alias & Mahfudzah Mustafa. (2018). *Representasi Politik Wanita di Parlimen Singapura dan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azan Fikri Ahmad. (2002). Persepsi dan penerimaan penubuhan Puteri UMNO dalam kalangan beliawanis Pasir Mas Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizan Zainuddin & Kartini Aboo Talib@Khalid. (2021). *Dasar Wanita Negara: Mengarusperdanakan Gender dalam Sektor Politik dan Pekerjaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badlihisham Mohd Nasir & Khazani Abdullah. (2016). Muslimat PAS dan Pendekatan Politik Matang. Dlm. Badlihisham Mohd Nasir, Asmak HUsin & Nurhafilah Musa. *Wanita Islam Kontemporari: Isu-isu, Cabaran & Amalan Terbaik*. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Fatimi Hanafi, Arba'iyah Mohd Noor & Muhammad Shamsinor Abdul Azzis. (2019). Penglibatan Wanita Sebagai Wakil Rakyat Parlimen: Analisis Keputusan. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Hibah Rauf Izzat. (1997). *Penglibatan Wanita dalam Politik Mengikut Perspektif Islam*. Petaling Jaya: The International Institute of Islamic Thought (IIITM).
- Hishammuddin Rais. (2022). *Merakam Sejarah: "Turun Jalan Raya Menang Pilihan Raya"*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Husna Kassim. (2021). An interview with the first woman deputy Prime Minister of Malaysia. In Kamilia Ibrahim, Wan Faridah Wan Jaafar, Halijah Ibrahim, Ann Anton, Saodah Wok, Ruhana Harun, Norlia Shaari & Husna Kassim. *Ordinary Women Extraordinary Lives*. Kuala Lumpur: Yayasan Wiba Prima.
- Juwairiya Zulkifli (Timbalan Ketua Wanita PKR & calon PKR bagi DUN Hulu Kelang, Selangor). (2023). Wanita sebagai pemimpin. Hulu Kelang, Selangor. Temu bual, 13 September.
- Kamsaini Hassan. (1995). Pola Tingkahlaku Pengundi Wanita Melayu Kelantan: Kajian Kes di kawasan Parlimen Kota Bharu dan Pasir Mas. Latihan Ilmiah Jabatan Geografi, UKM.
- Kartini Aboo Talib@Khalid. (2017). Women and Politics: Social Construction and Deconstruction. In Mohd Azizuddin Mohd Sani & Ummu Atiyah Ahmad Zakuan. *Democracy at Work in Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Kartini Aboo Talib@Khalid & Zaireeni Azmi. (2019). *Penglibatan Wanita dalam Pilihan Raya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. (2003). *The Progress of Malaysian Women Since Independence 1957-2000*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.
- Khoo Boo Teik. (2018). Wan Azizah-the Other Doctor in the House. In Francis Loh & Anil Netto (Eds), *Regime Change in Malaysia: GE14 and The End of UMNO-BN'S 60-Year Rule*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Majelar Mamat. (1993). Sumbangan Wanita Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes di Kawasan Parlimen Nilam Puri (P.22), Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Makmor Tumin. (2006). *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Fuad Mat Jali. (2009). Wanita Malaysia dan politik. Dlm Aishah@Eshah Mohamed, Sulong Muhammad, Zaidah Mustapha & Rokiah Ismail. *Peranan, Hak dan Penyesuaian Hidup Wanita di Malaysia*. Bangi: Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Shardi Saripuden. (1999). Sumbangan wanita dalam pilihan raya: Kajian kes Pasir Puteh, Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Malaysia.
- Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid. (2017). Pembangunan kepimpinan wanita: Membina ilmu watan bagi kepimpinan wanita menerusi kehidupan Tun Fatimah Hashim. *Kajian Malaysia*, 35(1), 91-116.
- Nadrawina Haji Isnin. (2008). Refleksi wanita dan politik di Negeri Sarawak: Satu kajian perbandingan dalam pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Sarawak. Dlm. Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Nasir Safar. (2005). *Wakil Pilihan Rakyat: Direktori Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri 2004-2009*. Kuala Lumpur: Kaedah Kota Management (M) Sdn. Bhd.

- Nik Safiah Karim, Rahimah Haji Ahmad, Azizah Hamzah, Zainun Ishak, Wan Tik Sakinah & Farok Zakaria. (2016). *Biografi Tokoh Wanita Kelantan Jilid 1*. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Nik Safiah Karim, Rahimah Haji Ahmad, Azizah Hamzah, Zainun Ishak, Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain & Rosmani Omar. (2020). *Biografi Tokoh Wanita Kelantan Jilid 2*. Petaling Jaya: ZIT Publishing.
- Noratikah Bohari (Naib Ketua Puteri Umno Bahagian Tanjong Karang, Selangor). (2023). Wanita sebagai pemimpin. Tanjong Karang, Selangor. Temu bual, 10 Ogos.
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud & Mohd Samsudin. (2020). *Pemeriksaan Penglibatan Politik Wanita di Malaysia: Kepimpinan dan Gender*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noorun Nashriah Ramli. (2008). Kepimpinan wanita dalam politik dan hala tuju polisi awam Malaysia: Kajian kes Pilihan Raya Umum Ke-12. Dlm. Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Nurul Izzah Anwar. (2014). *Masa Depan Masa Kita!*. Shah Alam: Grup Buku Karangkrak Sdn. Bhd.
- Pejabat Perhubungan Awam Negeri Selangor. (2002). *Wajah Amanah dan Wawasan Biografi Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan 1999-2004*. Shah Alam: Pejabat Perhubungan Awam Negeri Selangor.
- Roslan Mohammed. (2009). Wakil Pilihan Rakyat: *Direktori Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri Malaysia Penggal Ke-12*. Kuala Lumpur: Kaedah Kota Management (M) Sdn. Bhd.
- Roslina Ismail & Nor Hayati Sa'at. (2013). Pemimpin dan isu-isu politik menjelang PRU-13: Perspektif wanita Terengganu. Dlm. Shamsul AMri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (Edtr.). *PRU-13: Siapa Pilihan Pengundi*. Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Sharifah Syahirah Syed Sheikh & Rashila Ramli. (2016). Mitos demokrasi dan politik gender di Malaysia. Dlm. Mohamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. *Pilihan Raya Umum ke-13: Refleksi Politik Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ummu Atiyah Ahmad Zakuan & Zaireeni Azmi. (2017). Women Representation in the Malaysian Politics. In Mohd Azizuddin Mohd Sani & Ummu Atiyah Ahmad Zakuan. *Democracy at Work in Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- YB Michelle Ng Mei Sze (Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Subang Jaya, Selangor dan Setiausaha Publisiti DAP Selangor). (2023). Wanita sebagai pemimpin. Subang Jaya, Selangor. Temu bual, 13 Oktober.
- YB Rodziah Ismail (Ahli Parlimen Ampang, Selangor, ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR, Ex-Officio Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Selangor dan Ketua Cabang KEADILAN Shah Alam, Selangor). (2023). Wanita sebagai pemimpin. Ampang, Selangor. Temu bual, 9 November.
- Zaherawati Zakaria. (2008). Peranan wanita dalam politik dan pembangunan di Malaysia. Dlm. Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Zahiruddin Zabidi. (2012). *Cerita Kak Wan*. Kuala Lumpur: ceritakakwan.com.
- Zahiruddin Zabidi. (2013). *Cerita Kak Wan: Citra Pesona Seorang Wanita*. Kuala Lumpur: Creative Eclectic.

Zeenath Kausar. (2001). *Women in Feminism and Politics: New Directions Towards Islamization*. Kuala Lumpur: Leeds Publication.

Zeenath Kausar. (2018). From Kaum Ibu to Kaum Reformasi. In Francis Loh & Anil Netto (Eds), *Regime Change in Malaysia: GE14 and The End of UMNO-BN'S 60-Year Rule*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.